

**ADVANCED INTERNATIONAL JOURNAL OF
BUSINESS, ENTREPRENEURSHIP AND SME'S
(AIJBES)**www.aijbess.com**KESEDIAAN GURU DALAM MELAKSANAKAN EMK
KEUSAHAWANAN DARI ASPEK PENGETAHUAN ISI
KANDUNGAN, PEDAGOGI DAN SIKAP*****READINESS OF TEACHERS IN IMPLEMENTING ENTREPRENEURSHIP
CROSS-CURRICULAR ELEMENT (EMK) IN TERMS OF CONTENT
KNOWLEDGE, PEDAGOGY, AND ATTITUDE***Asyraf Zainal Rashid ^{1*}, Norasmah Othman²¹ Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia

Email: asyrafzr9@gmail.com

² Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia

Email: lin@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 20.03.2024

Revised date: 08.04.2024

Accepted date: 30.04.2024

Published date: 11.06.2024

To cite this document:

Rashid, A. Z., & Othman, N. (2024). Kesediaan Guru Dalam Melaksanakan EMK Keusahawanan Dari Aspek Pengetahuan Isi Kandungan, Pedagogi Dan Sikap. *Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs*, 6 (20), 29-43.

DOI: 10.35631/AJBES.620003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Kajian ini adalah berkenaan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) yang terkandung dalam konsep kesepaduan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Pada tahun 2011, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengubahsuai kurikulum sekolah rendahnya dan memperkenalkan pendidikan keusahawanan ke dalam kurikulum baru secara merentas kurikulum. Elemen merentas kurikulum bukanlah sesuatu yang baru dalam pendidikan di Malaysia. Walau bagaimanapun, kebanyakan guru di sekolah rendah tidak mengintegrasikan pendidikan ke dalam pengajaran mereka kerana mereka tidak bersedia melaksanakan EMK. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru dalam melaksanakan EMK keusahawanan dari aspek pengetahuan isi kandungan, pedagogi dan sikap. Seramai 129 orang guru telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian ini. Instrumen soal selidik digunakan bagi mendapatkan data daripada responden. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif yang melibatkan skor min dan sisihan piawai. Perisian Statistical Package Social Science versi 25 digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis data. Hasil kajian ini mendapati kesediaan guru dalam melaksanakan EMK keusahawanan dari aspek pengetahuan isi kandungan serta sikap berada pada tahap sederhana. Manakala tahap kesediaan guru dalam melaksanakan EMK keusahawanan dari aspek pengetahuan pedagogi berada pada tahap tinggi. Ini bermakna guru mempunyai kesediaan dari aspek pengetahuan dalam melaksanakan EMK namun kurang bersedia dari segi sikap dan isi kandungan

EMK. Justeru, hasil kajian ini menggambarkan akan perlunya penambahbaikan dari aspek kesediaan guru. Guru-guru perlu diberikan latihan atau agar pengetahuan berkaitan isi kandungan EMK keusahawanan dan pedagogi guru dapat dipertingkatkan.

Kata Kunci:

EMK Keusahawanan, Pengetahuan Isi Kandungan, Pedagogi, Sikap

Abstract:

This study is about the Cross-Curricular Elements (EMK) contained within the concept of coherence in the Standard Primary School Curriculum (KSSR). In 2011, the Malaysian Ministry of Education (KPM) revised its primary school curriculum and introduced entrepreneurship education into the new curriculum in a cross-curricular manner. Cross-curricular elements are not new in Malaysian education. However, most primary school teachers do not integrate this education into their teaching because they are not ready to implement EMK. Therefore, this study aims to identify the level of readiness of teachers in implementing entrepreneurial EMK from the aspects of content knowledge, pedagogy, and attitude. A total of 129 teachers were randomly selected as respondents for this study. A questionnaire was used as the instrument to obtain data from the respondents. The data were analyzed using descriptive statistical methods involving mean scores and standard deviations. The Statistical Package for Social Sciences version 25 was used in this study to analyze the data. The results of this study found that the readiness of teachers in implementing entrepreneurial EMK from the aspects of content knowledge and attitude was at a moderate level. Meanwhile, the level of readiness of teachers in implementing entrepreneurial EMK from the aspect of pedagogical knowledge was high. This means that teachers have readiness in terms of knowledge in implementing EMK but are less prepared in terms of attitude and content knowledge of EMK. Therefore, the results of this study illustrate the need for improvement in teacher readiness. Teachers need to be provided with training so that their knowledge related to the content of entrepreneurial EMK and pedagogy can be enhanced.

Keywords:

Entrepreneurship Cross-Curricular Element (EMK), Content Knowledge, Pedagogy, Attitude

Pengenalan

Usahawan memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara. Pada hakikatnya, usahawan tidak hanya membina perniagaan dan meningkatkan kekayaan peribadi sahaja, malah mereka juga berupaya memberi impak kepada ekonomi dengan mencipta pekerjaan dan peluang baru (Krati, 2023). Aktiviti usahawan atau dikenali sebagai keusahawanan selalu dikaitkan dengan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara (Stoica et al., 2020). Oleh kerana peranan keusahawanan tersebut maka pendidikan keusahawanan telah diintegrasikan dalam kurikulum pendidikan di seluruh dunia. Melalui pengintegrasian ini diharap akan dapat mengurangkan masalah negara dan seterusnya dapat mempromosikan kesejahteraan sosial serta ekonomi (Ismail, 2014). Di Kesatuan Eropah (EU), sebagai contoh, keusahawanan dan pendidikan keusahawanan telah mendapat perhatian yang besar. Pendidikan

keusahawanan di sekolah dianggap penting untuk mendorong pertumbuhan ekonomi, inovasi, dan usaha mandiri, terutamanya dalam menghadapi cabaran pengangguran (Deveci, 2018).

Dengan mendorong kemahiran keusahawanan dan pemikiran keusahawanan sejak usia muda melalui pendidikan, individu lebih bersedia untuk mengenal pasti peluang, memulakan perniagaan baharu, dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi (Hayati, 2014). Pendidikan keusahawanan dapat membantu individu membangunkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi usahawan serta mencipta peluang pekerjaan mereka sendiri (Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia, 2022).

Transformasi pendidikan negara melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) semakan 2017 telah membuktikan perkembangan semasa negara dalam arus pendidikan sejajar dengan arus globalisasi (Afzan, 2021). KSSR semakan 2017 lebih menekankan agar murid berupaya mempunyai pengetahuan, kemahiran dan nilai supaya mereka dapat menghadapi cabaran kehidupan masa hadapan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Perubahan kurikulum ini memerlukan perubahan terhadap profesion keguruan terutama fungsi dan peranan guru (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017). Namun persoalan yang timbul, adakah guru-guru bersedia menerima perubahan? Adakah mereka memiliki pengetahuan dan sikap yang positif untuk melaksanakan transformasi pendidikan yang telah digariskan oleh KPM?

Dalam usaha membina modal insan kelas dunia melalui pendidikan, peranan guru adalah penting serta mencabar dan ketidakberhasilan guru memenuhi kriteria kemahiran yang diperlukan, bakal menggagalkan usaha kerajaan (Manchelah, 2017). Menurut Zulhafizi (2021), usahawan boleh dibentuk dan guru-guru yang memiliki kesediaan dan menguasai ilmu keusahawanan dipercayai mampu menerapkan budaya serta EMK keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Sarimah et al, 2010). Kesediaan guru adalah penting kerana ia didapati berkorelasi dengan pencapaian sesuatu matlamat (Norizan, 2023). Namun apa yang dilaporkan adalah tahap kesediaan guru terutama dari aspek pengetahuan isi kandungan dan pedagogi EMK adalah lemah (Shamsiah, 2014). Kelemahan ini menjadi antara faktor penghalang dalam usaha penerapan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan murid di sekolah (Shamsiah, 2014, Hawa, 2018). Kelemahan ini juga menyebabkan guru-guru tidak mampu mengaitkan EMK keusahawanan ke topik-topik tertentu dalam subjek yang hendak diajar (Rosnani, 2012). Akhirnya, usaha menerapkan ciri-ciri keusahawanan dalam subjek akan menemui jalan buntu. Penentu kejayaan bagi pelaksanaan EMK keusahawanan adalah guru perlu memiliki pengetahuan dan pedagogi yang baik (Mawonedzo et al., 2021).

Di samping itu, sikap guru terhadap EMK keusahawanan juga dikatakan masih rendah. Kesannya proses penerapan EMK keusahawanan dalam subjek menjadi sukar dan kurang berkesan (Sapira, 2016). Guru kurang mampu menghidupkan semangat keusahawanan dalam kelas. Susulan kekurangan ini, minat dan motivasi murid dalam mempelajari keusahawanan amat rendah (Sapira, 2016). Oleh itu, satu kajian perlu dijalankan untuk:

- i. Mengetahui tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan isi kandungan dalam melaksanakan EMK Keusahawanan
- ii. Mengetahui tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan pedagogi dalam melaksanakan EMK keusahawanan
- iii. Mengetahui tahap kesediaan guru dari aspek sikap dalam melaksanakan EMK keusahawanan

Ulasan Kajian Lepas

Pengetahuan Isi Kandungan

Kesediaan pengetahuan isi kandungan guru merupakan salah satu elemen penting dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran (Nor Aishah & Yap, 2002). Kajian Naquih dan Jimaain (2019) juga membuktikan bahawa adanya hubungan positif antara kesediaan pengetahuan guru dengan prestasi pengajaran dan pembelajaran. Pengetahuan isi kandungan merujuk kepada pengetahuan guru tentang konsep dan kaedah bagi disiplin atau bidang pengetahuan tertentu (Hayati, 2015). Dalam konteks melaksanakan EMK keusahawanan, isi kandungan yang perlu dikuasai oleh guru merujuk kepada elemen-elemen yang telah ditetapkan oleh BPK (2011).

Kajian Suhaila (2019) melaporkan bahawa terdapat korelasi antara penguasaan isi kandungan guru dengan keberkesanan PdP di dalam kelas (Suhaila, 2019). Di samping itu, asas PdP yang berkesan ialah memiliki pengetahuan isi kandungan yang mencukupi agar apabila penyampaian pengetahuan dibuat, ia boleh difahami murid (McDiarmid et al., 2004). Selain itu, kajian Hafizan (2017) juga melaporkan bahawa guru yang terbaik ialah guru yang dapat menjelmakan pengetahuan isi kandungan dalam PdP.

Dalam konteks penerapan EMK Keusahawanan, isi kandungan yang perlu diketahui oleh guru bukan sekadar berkait dengan elemen-elemen tersebut sahaja, tetapi perlu faham apa maksud elemen yang cuba diterapkan dan perkaitannya dengan kehidupan seharian murid. Ini adalah disebabkan EMK keusahawanan bukanlah satu mata pelajaran Pendidikan Keusahawanan, tetapi elemen-elemen keusahawanan yang perlu digabung jalin dalam isi kandungan subjek yang diajar (Hafizan, 2019). Selain itu, guru juga tidak boleh bersikap sambil lewa terhadap elemen yang ingin diterapkan. Guru juga perlu mempunyai pengetahuan tentang bidang keusahawanan (Shahrin & Siti Hasmah, 2009) kerana, kurang pengetahuan dalam bidang keusahawanan merupakan antara faktor penghalang dalam penerapan ciri keusahawanan dalam PdP di sekolah (Shahrin & Siti Hasmah, 2009).

Guru yang bersedia dari segi pengetahuan akan sentiasa menyampaikan maklumat atau ilmu yang dimiliki tanpa rasa ragu-ragu dan murid akan lebih cepat memahaminya (Shahrin & Siti Hasmah, 2009). Sekiranya guru kurang bersedia, guru akan teragak-agak dalam penyampaian dan sering bertindak dengan mengajar sekadar menyampaikan sahaja tanpa ada penghayatan (Sharina, 2011). Kekeliruan dalam kalangan murid juga boleh berlaku sekiranya guru tidak menguasai isi kandungan dengan baik (Sulaiman et.al., 2011). Menurut Cohen et al., (2003), data-data statistik menyatakan bahawa amalan pengajaran yang dilakukan dengan mempunyai pengetahuan dan tindakan memberi pengaruh terhadap pembelajaran murid.

Pengetahuan Pedagogi

Pedagogi bermaksud kemahiran mengajar bagi menyampaikan pengetahuan kepada murid (Sulaiman, 2008). Dalam PdP selain menguasai subjek, guru juga perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai cara penyampaian sesuatu subjek (Syukri, 2012). Guru yang memiliki pengetahuan pedagogi yang baik kebiasaanya dapat menyampaikan isi kandungan subjek bertepatan dengan keperluan pengajaran dan pemahaman murid. Menurut teori pengetahuan pedagogi isi kandungan, menguasai isi kandungan subjek tidak mencukupi untuk pengajaran (Syukri, 2012). Guru perlu mempunyai pengetahuan mengenai pelajar, kurikulum, strategi pengajaran, serta penilaian, sehingga guru dapat menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan kepada pelajar (Abell et al., 2009).

Menurut kamus Dewan (2022), pendekatan merupakan cara atau langkah-langkah yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan sesuatu tugas. Pendekatan dalam bidang pendidikan merujuk kepada satu set teori pembelajaran yang berciri aksiomatik dan dilakukan dalam PdP suatu mata pelajaran melalui objektif pelajaran yang telah ditetapkan (Sang, 2010). Jika diperhatikan objektif penerapan EMK keusahawanan, empat daripada lima objektif tersebut merupakan objektif jangka panjang yang tidak mungkin dicapai dalam satu atau dua waktu pelajaran. Bagi mencapai objektif-objektif jangka panjang itu, pelbagai strategi pengajaran yang merangkumi kaedah, teknik dan aktiviti akan digunakan (BPK, 2012). Dalam buku panduan EMK keusahawanan terdapat tiga pendekatan yang boleh dipilih oleh guru untuk menerapkan elemen-elemen tersebut. Tiga jenis pendekatan yang boleh dipilih dan digunakan oleh guru adalah seperti berikut. a) pendekatan penyebatian b) pendekatan pengintegrasian c) pendekatan pengaplikasian.

Kajian Rafiza & Maryam (2013) menyatakan bahawa bagi mencapai objektif di dalam PdP, guru perlu meneliti dan memilih kaedah atau pendekatan yang sesuai dengan kebolehan pelajar bagi menarik minat pelajar. Pengetahuan pedagogi dalam kajian ini merujuk kepada kaedah pendekatan penerapan yang sesuai perlu diambil oleh guru berdasarkan sasaran yang telah ditentukan untuk menerapkan EMK keusahawanan. Selain itu, menurut Merhayati et al. (2015) terdapat hubungan antara pengetahuan pedagogi dengan penyampaian pengetahuan yang berkesan dalam bidang keusahawanan. Di samping itu, kajian yang dibuat oleh Ashikin (2020) menunjukkan tahap pengetahuan pedagogi guru berada sederhana tinggi. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa guru di sekolah rendah di Klang menguasai pengetahuan pedagogi dengan baik. Rosidah & Nurahimah (2020) pula menunjukkan pengetahuan pedagogi guru berada pada tahap baik dan membuktikan bahawa pengetahuan pedagogi mempunyai pengaruh besar serta meramalkan penyampaian pendidikan keusahawanan dalam bilik darjah.

Sikap Guru

Sikap boleh didefinisikan sebagai kecenderungan yang dipelajari untuk memberikan respon kepada sesuatu secara positif atau negatif (Fishbein & Ajzen, 2010). Individu cenderung menyukai sesuatu yang mereka percaya akan menghasilkan kesan yang baik. Mereka akan membentuk sikap negatif terhadap sesuatu yang mereka percaya akan menghasilkan kesan yang tidak baik. Oleh itu, sikap merupakan penentu utama keinginan seseorang untuk melakukan suatu.

Shahrin dan Norsila (2016) menyatakan bahawa guru-guru yang mempunyai minat tinggi terhadap keusahawanan akan bersikap positif terhadap pengajaran keusahawanan. Sikap positif ini akan mendorong guru untuk memberi perhatian kepada pengajaran. Selain itu, Zulfaka et al., (2014) juga melaporkan bahawa dalam kajian mereka mendapati guru-guru sains di MRSM yang memiliki kesediaan terhadap EMK keusahawanan sentiasa bersedia dan yakin dalam mengintegrasikan pendidikan keusahawanan dalam sesi PdP mereka.

Metod Kajian

Dalam usaha untuk mencapai objektif kajian, pendekatan kuantitatif dengan mengaplikasikan kaedah tinjauan dipilih sebagai reka bentuk kajian. Menurut Cresswell (2005) kaedah tinjauan merupakan kaedah yang mengumpul dan menganalisis data pada masa yang sama menyebabkan ia sering diguna pakai dalam penyelidikan pendidikan.

Populasi kajian dalam kajian ini adalah guru-guru tahap dua yang mengajar mata pelajaran teras di sekolah kebangsaan di Selangor yang berjumlah 2233 orang (JPNS, 2021). Namun, kumpulan yang disasarkan dalam kajian ini adalah guru tahap dua yang mengajar mata pelajaran teras di Daerah Kuala Selangor sahaja, berjumlah 193 orang. Pemilihan guru tahap dua adalah kerana kebarangkalian guru menjalankan EMK lebih tinggi kerana faktor pengurusan murid yang lebih mudah manakala mata pelajaran teras dipilih kerana pertemuan guru dengan murid adalah lebih kerap. Dalam penentuan saiz sampel pula, pengkaji telah menggunakan formula Krejcie dan Morgan 1970 di mana bilangan sampel yang sesuai untuk kajian ialah seramai 129 orang.

Instrumen kajian adalah borang soal selidik. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu Bahagian A, B, C dan D. Bahagian A merangkumi maklumat latar belakang guru. Bahagian B pula mengukur tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan isi kandungan EMK keusahawanan, Bahagian C mengukur tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan pedagogi dan bahagian D pula mengukur tahap kesediaan guru dari aspek sikap. Semua Bahagian soal selidik ini mengandungi 51 item. Bagi dimensi pengetahuan isi kandungan EMK keusahawanan mengandungi 20 item manakala bagi dimensi pengetahuan pedagogi mengandungi 5 item. Untuk dimensi sikap guru mengandungi 16 item. Kesemua item dalam instrumen diadaptasi dari kajian Hayati dan Aishah (2014).

Bagi menentukan kesahan, khidmat pakar diperlukan dalam bidang yang dikaji. Antara individu yang layak menentukan kesahan kandungan adalah mereka yang pakar atau arif dalam bidang keusahawanan. Dalam kajian ini, kesahan kandungan dan kesahan muka telah dilakukan oleh tiga orang pakar untuk memastikan item-item dalam instrumen benar-benar dapat mengukur tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan isi kandungan, pedagogi dan sikap guru. Pakar tersebut ialah pensyarah perniagaan keusahawanan dan Guru cemerlang subjek perniagaan. Guru cemerlang ialah guru yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang tinggi dalam mata pelajaran yang diajar (KPM, 2007).

Setelah kesahan pakar dibuat, kajian rintis telah dijalankan dengan melibatkan 40 responden. Soal selidik kajian rintis yang dikembalikan dianalisis untuk mendapatkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan. Untuk kebolehpercayaan, ujian *Cronbach Alpha* telah digunakan dan bagi nilai kesahan pula adalah menggunakan *inter item correlation*. Umumnya data menunjukkan instrumen boleh digunakan untuk kajian lapangan kerana kesemuanya memiliki nilai melebihi syarat diperlukan. Nilai setiap konstruk boleh dirujuk pada Jadual 1.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan dan Kesahan Item

Item	Nilai Cronbach Alpha	Nilai Kesahan
Pengetahuan Isi Kandungan EMK Keusahawanan	0.93	0.86
Pengetahuan Pedagogi EMK Keusahawanan	0.90	0.82
Sikap Guru	0.82	0.80

Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan taburan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi item-item yang berkaitan dengan maklumat demografi responden. Berdasarkan statistik ini, pengkaji menggunakan min yang diperoleh untuk menganalisis. Item

ujian dibina dalam bentuk pernyataan dengan lima pilihan jawapan menggunakan skala likert lima mata. Julat skor ujian ini adalah di antara 1 hingga 5 seperti di dalam Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Skor min	Tahap
1.00 – 1.8	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Chew & Zul Hazmi (2018)

Hasil Kajian

Kajian ini berfokuskan kepada guru seramai 129 orang daripada dua buah sekolah rendah daerah Kuala Selangor telah terlibat di dalam menjayakan kajian ini. Sebanyak tiga ciri demografi telah digunakan seperti pengalaman mengajar, subjek yang diajar, dan pengalaman berniaga dalam bentuk jadual dan rajah berdasarkan bilangan dan peratusan responden. Taburan demografi responden dipaparkan dalam Jadual 3

Jadual 3 Demografi Responden Berdasarkan Kekerapan Dan Peratus

Kategori	Aspek	Kekerapan (n= 129)	Peratus (%)
Pengalaman Mengajar	Kurang 5 Tahun	41	31.7
	5 – 9 Tahun	32	24.8
	10 – 14 Tahun	26	20.1
	15 – 20 Tahun	30	23.2
	Lebih 20 Tahun	0	0
Subjek Mengajar	Bahasa Malaysia	51	39.5
	Bahasa Inggeris	34	26.3
	Matematik	24	18.6
	Sains	20	15.5
Pengalaman	Ya	93	71.4
Perniagaan	Tidak	36	28.6

Daripada keseluruhan 129 responden yang terlibat dalam kajian ini, seramai 41 orang guru atau 31.7 peratus adalah terdiri daripada guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang lima tahun, manakala seramai 32 orang guru atau 24.8 peratus adalah terdiri daripada guru yang mempunyai pengalaman mengajar lima hingga sembilan tahun. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru mempunyai pengalaman kurang lima tahun. Seterusnya, profil responden mengikut subjek yang diajar menunjukkan seramai 51 orang guru (39.5%) adalah mengajar subjek Bahasa Malaysia, manakala seramai 34 orang guru (26.3%) adalah mengajar subjek Bahasa Inggeris. Bagi subjek matematik seramai 24 orang (18.6%) dan 20 orang guru (15.5 %) mengajar subjek sains.

Tahap Kesiediaan Guru Dari Aspek Pengetahuan Isi Kandungan EMK Keusahawanan

Hasil analisis deskriptif secara keseluruhan menunjukkan tahap kesiediaan guru dari aspek pengetahuan isi kandungan EMK Keusahawanan, Pedagogi dan Sikap dalam melaksanakan

EMK keusahawanan berdasarkan interpretasi skor min yang diadaptasi dari Chew & Zul elmi (2018) adalah sederhana. Merujuk kepada Jadual 4 kesediaan guru dari aspek pengetahuan isi kandungan EMK keusahawanan mencatat skor min 3.16 (0.492), manakala kesediaan guru dari pengetahuan pedagogi EMK keusahawanan mencatat min 3.52 (0.604) dan kesediaan guru dari aspek sikap dalam melaksanakan EMK keusahawanan mencatat min 3.14 (0.451).

Jadual 4 Kesedian Guru dari Aspek Pengetahuan Isi Kandungan EMK Keusahawanan, Pedagogi dan Sikap.

Pemboleh ubah	Min	SP	Tahap
Pengetahuan Isi Kandungan EMK Keusahawanan	3.16	0.492	Sederhana
Pedagogi	3.52	0.604	Tinggi
Sikap	3.14	0.451	Sederhana

Kesediaan guru dari aspek pengetahuan isi kandungan EMK keusahawanan merupakan pemboleh ubah bebas yang mencatat min kedua tertinggi berbanding dengan pemboleh ubah bebas yang lain. Konstruk pengetahuan isi kandungan EMK keusahawanan berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa guru kurang mengetahui apakah elemen-elemen keusahawanan serta kurang faham apakah maksud elemen yang diterapkan serta perkaitannya dengan kehidupan seharian (Hayati, 2015). Merujuk Jadual 5 item B1 (bertanggungjawab terhadap keputusan) menunjukkan frekuensi yang tertinggi pada tahap “Tahu” iaitu seramai 80 responden (57.1%) dan seramai 60 responden (42.8%) memilih “Tidak Tahu”. Hal ini menunjukkan bahawa guru dapat memahami sikap keusahawanan yang perlu diterapkan kepada murid iaitu dengan memastikan murid bertanggungjawab ke atas sebarang keputusan yang diambil. Kesanggupan mengambil tanggungjawab terhadap hasil keputusan yang dibuat berkait rapat dengan kekuatan kawalan diri murid (BPK, 2011). Bagi item B17 (prinsip tanggungjawab sosial) mencatatkan tahap “Tidak Tahu” paling tinggi iaitu seramai 78 responden (55.7%). Item B17 menekankan tentang amalan nilai moral dan etika yang baik dalam konteks keusahawanan. Oleh itu, item B17 menunjukkan guru kurang tahu mengenai nilai moral dalam konteks keusahawanan bagi mendorong murid mempunyai tingkah laku, etika dan nilai moral yang baik.

Jadual 5 Kesediaan Guru dari Aspek Pengetahuan Isi Kandungan EMK Keusahawanan

Item	Penyataan	STT	TT	KT	T	ST
Kekerapan & Peratus (%)						
B1	Bertanggungjawab terhadap keputusan	0	14	46	80	0
		(0)	(10)	(32.8)	(57.1)	(0)
B2	Berani mengambil risiko yang dianggarkan	0	11	59	70	0
		(0)	(7.8)	(42.1)	(0.5)	(0)
B3	Keinginan kepada maklum balas segera	0	12	61	65	2
		(0)	(8.5)	(43.5)	(46.4)	(1.4)
B4	Berkeupayaan memimpin	0	10	58	71	1

		(0)	(7.1)	(41.4)	(50.7)	(0.7)
B5	Amalan Memerhari Persekitaran Dengan Sengaja Dan Bertujuan	0	11	60	69	0
		(0)	(7.8)	(42.8)	(49.2)	(0)
B6	Menghasilkan Idea Daripada Pemerhatian	0	13	58	69	0
		(0)	(9.2)	(41.4)	(49.2)	(0)
B7	Melaksanakan Idea Dalam Bentuk Produk Teknologi Abstrak Atau Konkrit	0	14	53	72	1
		(0)	(10)	(37.8)	(51.4)	(0.7)
B8	Menyesuaikan Idea Baru Dengan Keperluan Masyarakat Dan Persekitaran	0	13	54	72	1
		(0)	(9.2)	(38.5)	(51.4)	(0.7)
B9	Merancang sesuatu projek dengan teliti	0	15	57	67	1
		(0)	(10.7)	(40.7)	47.8	(0.7)
B10	Melaksanakan projek mengikut langkah – langkah yang telah disediakan	0	21	49	68	2
		(0)	(15)	(35)	(48.5)	(1.4)
B11	Memantau projek	0	12	53	73	2
		(0)	(8.57)	(37.8)	(52.1)	(1.4)
B12	Menilai perlaksanaan projek	0	16	54	70	0
		(0)	(11.4)	(3.8)	(50)	(0)
B13	Menghasilkan produk berasaskan pengetahuan	0	18	53	68	1
		(0)	(12.8)	(37.8)	(48.5)	(0.7)
B14	Menghasilkan produk berasaskan teknologi dan vokasional	0	16	58	65	1
		(0)	(11.4)	(41.4)	(46.4)	(0.7)
B15	Menghasilkan produk yang sama dengan menggunakan teknologi yang berlainan	0	14	55	71	0
		(0)	(10)	(39.2)	(50.7)	(0)
B16	Menghasilkan produk menggunakan sumber yang pelbagai	0	12	54	72	2
		(0)	(8.5)	(38.5)	(51.4)	(1.4)
B17	Prinsip tanggungjawab sosial	0	11	67	61	1
		(0)	(7.8)	(47.8)	(43.5)	(0.7)
B18	Prinsip keadilan	0	15	52	71	2
		(0)	(10.7)	(37.1)	(50.7)	(1.4)
B19	Prinsip hak manusia	0	13	59	68	0
		(0)	(9.2)	(42.1)	(48.5)	(0)
B20	Prinsip autonomi	0	17	51	72	0
		(0)	(12.1)	(36.4)	(51.4)	(0)
Skor Min		3.16				
Sisihan Piawai		.492				

Tahap Kesiediaan Guru Dari Aspek Pengetahuan Pedagogi

Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu tahap kesiediaan guru dari aspek pengetahuan pedagogi dalam melaksanakan EMK keusahawanan, pengkaji telah menjalankan analisis

deskriptif dan mendapati secara keseluruhan tahap pengetahuan guru adalah tinggi dengan nilai skor min = 3.52 (s.p = .604). Hal ini menunjukkan guru dapat memilih pendekatan yang sesuai dalam melaksanakan EMK keusahawanan. Dapatan ini disokong oleh kajian Munirah (2013) yang mendapati guru sekolah rendah mempunyai tahap kesedian dari aspek pengetahuan pedagogi yang tinggi. Merujuk Jadual 6, C4 (Setelah objektif yang dirancang pada hari tersebut tercapai, guru menerapkan mana – mana EMK keusahawanan yang berkaitan pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran, adakah sesuai guru melaksanakan pendekatan pengaplikasian?) menunjukkan frekuensi yang paling tinggi pada tahap “Sesuai” iaitu seramai 90 responden (64.2%) dan seramai 50 responden (35.6%) memilih “Tidak Sesuai”. Hal ini menunjukkan guru memilih pendekatan yang sesuai berdasarkan situasi yang diberikan serta guru juga memahami cara menggunakan pendekatan pengaplikasian. Bagi item C3 (Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, guru boleh menerapkan mana - mana EMK keusahawanan dengan cara meminta pandangan pelajar dalam situasi yang berkaitan, adakah sesuai guru melaksanakan pendekatan pengintegrasian?) menunjukkan frekuensi paling tinggi pada tahap “Tidak Sesuai” dengan seramai 59 responden (42.1%). Hal ini menunjukkan, masih terdapat guru tidak dapat menggunakan pendekatan pengintegrasian dengan tepat.

Jadual 6 Tahap Pengetahuan Pedagogi EMK Keusahawanan

Item	Penyataan	STS Kekerapan & Peratus (%)	TS	KS	S	SS
C1	Sekiranya aktiviti pengajaran yang dipilih pada hari tersebut secara terang – terangan mempunyai elemen EMK keusahawanan, adakah sesuai guru melaksanakan pendekatan <i>Penyebatian</i> ?	0 (0)	10 (7.1)	48 (34.2)	79 (56.4)	3 (2.1)
C2	Jika aktiviti yang dirancang tidak jelas ke arah membincangkan hal berkaitan EMK keusahawanan, adakah sesuai guru melaksanakan pendekatan pengintegrasian?	1 (0.7)	12 (8.5)	42 (30)	83 (59.2)	2 (1.4)
C3	Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, guru boleh menerapkan mana - mana EMK keusahawanan dengan cara meminta pandangan pelajar dalam situasi yang berkaitan, adakah sesuai guru melaksanakan pendekatan pengintegrasian?	0 (0)	15 (10.7)	44 (31.4)	80 (57.1)	1 (0.7)
C4	Setelah objektif yang dirancang pada hari tersebut tercapai, guru menerapkan mana – mana EMK keusahawanan yang berkaitan pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran, adakah sesuai guru melaksanakan pendekatan pengaplikasian?	0 (0)	12 (8.5)	38 (27.1)	88 (62.8)	2 (1.4)
Skor Min		3.12				
Sisihan Piawai		.604				

Tahap Kesiediaan Guru dari Aspek Sikap

Bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu kesiediaan guru dari aspek sikap dalam melaksanakan EMK keusahawanan, pengkaji telah menjalankan analisis deskriptif dan mendapati secara keseluruhan kesiediaan guru dari aspek sikap adalah sederhana dengan nilai skor min = 3.46 (s.p = .451).Ini bermaksud guru-guru kurang positif dan tidak benar-benar bersedia dalam menerapkan EMK keusahawanan (Shamsiah, 2014).

Merujuk kepada Jadual 7, item D11 (Saya percaya bahawa usahawan boleh dilahirkan melalui pendidikan) menunjukkan frekuensi tertinggi pada tahap “Setuju” iaitu seramai 85 responden (60.7%). Dapatan ini selari dengan kajian yang di buat oleh Shahrin (2016) yang mana kajian menunjukkan bahawa guru mempunyai sikap yang positif terhadap pendidikan keusahawanan. Manakala item D2 (Saya membuat persediaan rapi dalam penyediaan bahan bantu mengajar agar penerapan EMK keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan) menunjukkan frekuensi tertinggi pada tahap “Tidak Setuju” iaitu seramai 73 responden (53%). Hal ini menunjukkan kebanyakan guru kurang melakukan persediaan rapi dalam melaksanakan EMK keusahawanan.

Jadual 7 Kesiediaan Guru dari Aspek Sikap

Item	Penyataan	STS Kekerapan & Peratus (%)	TS	KS	S	SS
D1	Saya membuat penyediaan rapi sebelum mengajar bagi memastikan penerapan EMK Keusahawanan dapat dilaksanakan dengan lancar.	0 (0)	5 (7.1)	51 (34.2)	84 (56.4)	0 (0)
D2	Saya membuat persediaan rapi dalam penyediaan bahan bantu mengajar agar penerapan EMK keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan.	0 (0.7)	4 (2.8)	69 (49.2)	66 (47.1)	0 (0)
D3	Kekangan masa kerana mengikut kehendak sukatan pelajaran tidak menghalang saya untuk menerapkan EMK keusahawanan.	0 (0)	12 (8.5)	64 (31.4)	64 (57.1)	0 (0)
D4	Saya sentiasa menerapkan EMK keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran.	0 (0)	12 (8.5)	57 (27.1)	71 (62.8)	0 (1.42)
D5	Saya sentiasa membuat inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran agar dapat menerapkan EMK keusahawanan selaras dengan sukatan pelajaran terbaru.	1 (0.7)	14 (10)	54 (38.5)	71 (50.7)	0 (0)
D6	Saya berpuas hati apabila pelajar – pelajar berjaya mencipta sesuatu yang baru.	0 (0)	7 (5)	50 (35.7)	82 (58.5)	1 (0.7)
D7	Saya berasa lebih seronok mengajar dengan menerapkan EMK keusahawanan.	0 (0)	9 (6.4)	58 (41.4)	73 (52.1)	0 (0)
D8	Saya sangat berminat menerapkan EMK keusahawanan kerana ini merupakan satu cabaran bagi memenuhi kehendak matlamat KSSR.	0 (0)	9 (6.4)	57 (40.7)	74 (52.8)	0 (0)

D9	Saya berasa lebih yakin untuk menerapkan EMK keusahawanan semasa pengajaran kerana telah mendapat pendedahan melalui kursus KSSR.	0 (0)	12 (8.5)	57 (40.7)	70 (50)	0 (0)
D10	Saya berasa lebih yakin untuk menerapkan EMK keusahawanan semasa pengajaran dan pembelajaran kerana telah mendapat pendedahan semasa di universiti.	0 (0)	17 (12.1)	54 (38.5)	69 (49.2)	0 (0)
D11	Saya percaya bahawa usahawanan boleh dilahirkan melalui pendidikan.	0 (0)	9 (6.4)	46 (32.8)	84 (60)	1 (0.7)
D12	Jika diberi pilihan sama ada mahu ataupun tidak menerapkan EMK keusahawanan, saya tetap menerapkan EMK keusahawanan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran saya.	0 (0)	7 (5)	63 (45)	70 (50)	0 (0)
D13	Saya berpendapat bahawa semua pelajar patut diterapkan dengan EMK keusahawanan.	0 (0)	13 (9.2)	51 (36.4)	74 (52.8)	1 (0.7)
D14	Penerapan EMK keusahawanan sebaiknya bermula di peringkat sekolah rendah.	1 (0.7)	3 (2.1)	53 (37.8)	82 (58.5)	1 (0.7)
D15	Saya bersedia untuk menghadapi cabaran baru berkaitan penerapan EMK keusahawanan.	0 (0)	9 (6.4)	52 (37.1)	79 (56.4)	0 (0)
D16	Saya bersedia untuk menghadiri kursus berkaitan EMK keusahawanan yang ditawarkan kepada saya.	0 (0)	13 (9.2)	48 (34.2)	79 (56.4)	0 (0)
Skor Min		3.14				
Sisihan Piawai		.451				

Perbincangan Kajian

Berdasarkan analisi kajian ini, didapati tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan pedagogi guru berada tahap tinggi dengan skor min 3.52. Dapatan ini konsisten dengan dapatan Kang dan Lim (2015) yang mendapati tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan pedagogi guru berada pada tahap tinggi. Ini adalah kerana guru mendapat pendedahan serta kemahiran pedagogi di Universiti atau institut pendidikan guru (Nazri, 2017). Dapatan kajian yang menunjukkan tahap kesediaan pengetahuan pedagogi yang tinggi selaras dengan saranan KPM (2012) bahawa guru perlu memiliki pengetahuan pedagogi yang tinggi untuk melaksanakan kurikulum di sekolah termasuk perlaksanaan EMK keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Merujuk kepada tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan isi kandungan EMK keusahawanan pula, kajian ini mendapati tahap pengetahuan isi kandungan guru berada tahap sederhana dengan skor min 3.16. Secara umumnya, tahap pengetahuan yang sedemikian menunjukkan bahawa guru kurang mengetahui apakah elemen–elemen keusahawanan serta kurang faham apakah maksud elemen yang cuba diterapkan serta perkaitannya dengan kehidupan seharian murid. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dibuat oleh Zarima

et al. (2016), yang menyatakan tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan isi kandungan berada pada tahap sederhana. Penguasaan pengetahuan isi kandungan yang kurang membanggakan juga turut dikesan dalam kalangan guru pelatih seperti dapatan kajian yang dibuat oleh Niswa (2014). Isu penguasaan pengetahuan isi kandungan keusahawanan juga dikupas melalui kajian Kofi et al. (2011). Kajian ini mendapati faktor yang mempengaruhi kurang minat dan tahap motivasi yang rendah dalam kalangan guru menyebabkan penguasaan pengetahuan isi kandungan keusahawanan yang lemah. Penguasaan isi kandungan yang lemah lazimnya menyebabkan pengajaran yang tidak berkesan (Naquih, 2019).

Dalam kajian ini, analisis deskriptif menunjukkan sikap guru dalam melaksanakan penerapan EMK keusahawanan pada tahap sederhana dengan skor min 3.14. Ini bermaksud guru-guru kurang positif dan tidak benar-benar bersedia dalam menerapkan EMK keusahawanan. Antara faktor yang menyebabkan sikap guru tidak mencapai tahap yang sangat tinggi ialah item yang menguji keyakinan guru. Jika dilihat daripada hasil analisis, item yang mewakili aspek keyakinan guru menunjukkan pada tahap sederhana sahaja. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Yap Poh Moi (2002) di dalam kajiannya ke atas 80 orang guru Perdagangan di Wilayah Persekutuan, didapati sikap guru-guru perdagangan terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan adalah sederhana positif di mana sikap mereka sebagai satu sumber penjana motivasi kepada pelajar-pelajar masih jauh. Walau bagaimanapun, dapatan yang berbeza dalam kajian yang dibuat oleh Shahrin dan Norsila (2016) yang mana guru-guru bersikap positif terhadap keusahawanan dan mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap keusahawanan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kajian ini telah menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan isi kandungan EMK keusahawanan dan sikap berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun kesediaan guru dari aspek pengetahuan pedagogi berada pada tahap tinggi. Walaupun EMK keusahawanan ini telah lama diperkenalkan guru masih kurang menguasai pengetahuan isi kandungan dengan baik dan sikap guru juga perlu diubah agar EMK keusahawanan dapat dilaksanakan dengan baik.

Implikasi dalam kajian ini mencadangkan agar guru sebagai penggerak utama proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah memerlukan penguasaan yang mendalam terhadap elemen – elemen keusahawanan. Penguasaan ini dapat ditingkatkan dengan memantapkan lagi kursus yang diberikan kepada guru -guru. Selain itu, rujukan atau modul berkaitan EMK keusahawanan perlu di pertingkatkan agar guru - guru dapat menguasai elemen – elemen keusahawanan. Di samping itu, pihak pentadbir sekolah perlulah sentiasa memberi galakan, dorongan kepada guru – guru untuk menerapkan EMK keusahawanan dan bukan sekadar mementingkan keputusan akademik yang cemerlang sahaja.

Kajian lanjutan yang boleh disyorkan ialah kajian yang akan datang melibatkan skop yang lebih luas dengan mengambil kira pengaruh atau latar belakang pendidikan guru serta kesan

Pengesahan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas pembiayaan dan sokongan (Grant GP-K007386), yang bukan sahaja membolehkan penyelidikan ini dijalankan tetapi juga meliputi pelbagai perbelanjaan yang berkaitan dengan penerbitan ini. Sumbangan ini telah memainkan peranan penting dalam menjayakan projek ini.

Rujukan

- Ab Wahid, H., Abdul Rahman, R., Ahmad, N. L., Wan Mustaffa, W. S., Mohd Rhouse, S., & Yunus, N. K. Y. (2019). Membangunkan Sosio-Ekonomi Komuniti Menerusi Keusahawanan Sosial: Peranan Dan Peluang. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 2(8), 13–26.
- Ab. Aziz, Y. (2003). *Prinsip Keusahawanan*. Petaling Jaya : Prentice Hall Publisher.
- Ab. Hamid Ali, Abdullah Yusoff, Muhammad Ridzuan Idris, & Abd. Aziz Zaki Razali. (2017). Kompetensi Guru Pelatih Di Sebuah Institut Pendidikan Guru Dalam Melaksanakan Latihan Mengajar. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(2), 39–55.
- Abdullah, Z., & Rahman, S. (2015). Kemahiran Meta-Tingkah Laku dan Kemahiran Membuat Keputusan Pelajar Bermasalah Disiplin dan Tidak Bermasalah Disiplin. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2), 175–183.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Deveci, İ., & Aydın, F. (2018). Relationship between students' tendencies toward academic risk-taking and their attitudes to science. *Issues in Educational Research*, 28(3), 560–577.
- Fong Peng, C., & Zul Hazmi, H. (2018). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 1–12.
- Hayati, N. K. S. (2015). *Tahap kesediaan dan komitmen guru dalam melaksanakan EMK-keusahawanan di sekolah rendah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak, Z., Buang, N. A., & Halim, L. (2014). Ciri-Ciri Dan Tahap Pemikiran Sains Keusahawanan: Kesediaan Integrasi Pemikiran Keusahawanan Dalam Proses Pengajaran Guru-Guru Sains Di MRSM. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(1), 53–64. Dicapai dari http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/published_article/6255/Template4.pdf
- Ismail, S. N., Muhammad, S., Kanesan, A. G., & Ali, R. M. (2019). The influence of teachers' perception and readiness towards the implementation of Critical Thinking Skills (CTS) practice in mathematics. *International Journal of Instruction*, 12(2), 337–352.
- Jabatan Pendidikan Selangor. (2022, Oktober). Maklumat Asas Pendidikan Selangor. <https://jpnselangor.moe.gov.my/tu-statistik/arkib-data-dan-maklumat-asas>
- Jusoh, R. (2012). Effects of Teachers' Readiness in Teaching and Learning of Entrepreneurship Education in Primary Schools. *International Interdisciplinary Journal of Education*, 1(7), 98–102.
- Kang Mu Hui, & Lim Hooi Lian. (2015). Pengetahuan dan Keprihatinan Guru-guru terhadap Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 9, 22–31.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Munirah, Abd Hamid (2013). Understanding Entrepreneurship Education: The Implementation in Year One Primary School Curriculum in Malaysia. *Department of Education University of York*, 199.
- Naquiah, N., & Jimaain, S. (2019). Penguasaan Pengetahuan Kandungan (Content Knowledge): Pemangkin Keterampilan Pedagogi Jawi Berkesan Abad ke-21. *Jurnal Teknikal Dan Sains Sosial*, 8(1), 45–59.
- Okeke, C. O., & Yong, D. G. F. (2016). Assessment of entrepreneurship pedagogy on entrepreneurship knowledge and entrepreneurial human capital asset: A conceptual model. *Knowledge Management & E-Learning*, 8(2), 243–258.

- Oyewumi, A., & Adeniyi, S. (2013). Assessing Attitude to and Knowledge of Entrepreneurship among Students with Hearing Impairment in Nigeria. *African Research Review*, 7(3) 23 - 35.
- Rafiza Abdul Razak, & Maryam Abdul Rahman. (2013). Pembinaan media pengajaran berasaskan multimedia di kalangan guru ICTL. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(2), 20–31.
- Shamsiah Md Nasir, & Nor'Azah Ahmad Safran. (2014). Ciri-Ciri Keusahawanan dalam Kalangan Guru Pelatih. *Jurnal Personalia Pelajar*, 17, 1–8.
- Sipon, M., Pihie, Z. A. L., Rahman, F. A., & Manaf, U. K. A. (2015). Teacher's Entrepreneurial Pedagogical Content Knowledge Roles in Human Resource Development. *International Journal Of Management and Applied Research*, 2(1), 35–44.
- Suhaili, S. H., & Nasri, N. M. (2021). Tahap Penerimaan Murid Sekolah Menengah Rendah Terhadap Elemen Keusahawanan dalam Pembelajaran *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 276–284.
- Wahi, W. (2013). Tahap Kesiediaan Guru Menggunakan Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Menengah Kebangsaan. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53, 1689–1699.
- Walidaini, A. B., & Winarno, A. (2017). Vocational High School Students Entrepreneurship: The Success of Family or School Education..? *Jurnal Pendidikan Bisnis Dan Manajemen*, 3(1), 1–11.
- Yusoff, W. M. W., & Seman, S. C. (2018). Teachers' Knowledge of Higher Order Thinking and Questioning Skills: A Case Study at a Primary School in Terengganu, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 7(2), 34 – 48.
- Zainuddin, G., Mohamed Masrop, N. A., Abdul Manaf, M. F., & Shahrir, M. S. (2018). Penerapan elemen merentas kurikulum (emk) dalam buku teks bahasa arab sekolah rendah tahun enam. *International research management & innovation conference (irmic)*, 1–10.
- Zarima Mohd Zakaria, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Fatimah Sou Yan Mei, Mohd Hilmi Abdullah & Saipolbarin Ramli. (2016). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) guru bahasa Arab sebutan konsonan Arab: Kajian kes di sekolah rendah. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, Vol. 2, No. 5, 22–138